

**SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI KESELAMATAN**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KESELAMATAN DAN PERTAHANAN
AWAM

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred

Jadual Gaji Matriks

Gred KP41 : P1T1 RM1691.67 - P1T27 RM4641.67

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : P1T1); atau

- (ii) Ijazah Sarjana Muda Keupujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : P1T3); atau

- (iii) Bekas Penolong Penguasa Polis Diraja Malaysia atau Kapten Angkatan Tentera Malaysia atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik ;

(Gaji permulaan ialah pada Gred KP41 : P1T1);

- (b) Memenuhi syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:

- (i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki tanpa bersepatu;
- (ii) berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki;
- (iii) mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (bagi lelaki);
- (v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.